

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXII)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

29. Tuisyen Rakyat Pulau Pinang.

- (a) Nyatakan prestasi program Tuisyen Rakyat Pulau Pinang pada tahun 2008 sehingga kini.
- (b) Apakah kerajaan akan menggunakan kaedah baru untuk perlaksanaan program Tuisyen Rakyat Pulau Pinang? Huraikan.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. (a) Kerajaan Negeri melalui Penggerak Komuniti Muda (PEKA) telah memulakan inisiatif pemberian tuisyen dan kelas tambahan percuma kepada pelajar Pulau Pinang pada tahun 2017 dan masih diteruskan sehingga hari ini. Program tersebut telah dimulakan secara projek rintis pada tahun 2017 di tiga (3) daerah iaitu di Timur Laut, Barat Daya dan Seberang Perai Tengah dengan memberikan tuisyen percuma kepada 94 pelajar darjah empat, lima dan enam untuk mata pelajaran sains dan matematik. Berikutan sambutan yang sangat menggalakkan daripada penduduk Pulau Pinang, program Tuisyen Rakyat Pulau Pinang diperkembangkan pada tahun-tahun seterusnya dengan penambahan pelajar melibatkan tingkatan 3 dan tingkatan 5 dengan menawarkan mata pelajaran tambahan iaitu Bahasa Inggeris serta penambahan pusat tuisyen di semua daerah. Perincian program Tuisyen Rakyat Pulau Pinang dari segi bilangan pusat tuisyen dan pelajar adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) PEKA melaksanakan Tuisyen Rakyat dengan kerjasama ADUN kawasan, Ahli Parlimen, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). PEKA menyediakan kemudahan kelengkapan untuk pembelajaran, manakala, urusan pengambilan pelajar diuruskan dengan kerjasama ADUN, Ahli Parlimen, PBT, MPKK dan NGO. Program ini memberi keutamaan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Mengambil kira respon yang diterima daripada penduduk Pulau Pinang, Kerajaan Negeri akan meneruskan penggunaan kaedah yang sama untuk pelaksanaan Tuisyen Rakyat ini. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan mengkaji pelaksanaan program ini bagi memastikan pendidikan yang terbaik dapat diberikan kepada pelajar di negeri Pulau Pinang

LAMPIRAN A

PERINCIAN PROGRAM TUISYEN RAKYAT PULAU PINANG DARI TAHUN 2017 HINGGA 2020

Daerah	2017		2018		2019		2020	
	Jumlah Pusat	Jumlah Pelajar	Jumlah Pusat	Jumlah Pelajar	Jumlah Pusat	Jumlah Pelajar	Jumlah Pusat	Jumlah Pelajar
Timur Laut	1	30	1	30	6	199	8	191
Barat Daya	1	34	1	40	4	177	10	322
Seberang Perai Utara	-	-	5	176	9	351	6	135
Seberang Perai Tengah	1	30	6	212	7	307	10	425
Seberang Perai Selatan	-	-	8	266	8	412	7	294
<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>	<b>94</b>	<b>21</b>	<b>724</b>	<b>34</b>	<b>1446</b>	<b>41</b>	<b>1367</b>